

OLEH ZAINOOR SULAIMAN
1982

KUALA LUMPUR, 19 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA MENEKANKAN DASARNYA +MEMANDANG KE TIMUR+ TIDAK HANYA UNTUK MENDAPATKAN KEMUDAHAN LATIHAN DI NEGARA ITU BAHKAN JUGA UNTUK MEMUPUK KERJASAMA YANG LEBIH LUAS ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA BERHARAP LEBIH BANYAK PELABURAN JEPUN DIBAWA MASUK KE NEGARA INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM PERBINCANGANNYA ENCIK YOSHIO SAKURAUCHI DI PEJABATNYA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI HARI INI.

SETIAUSAHA BAHAGIAN WISMA PUTRA ENCIK EMAN HANIFF SEMADA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA MENGENAI PERBINCANGAN ITU, BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN SUPAYA JEPUN MENEMPATKAN SEMULA BEBERAPA PERUSAHAANNYA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA RANCANGAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENEMPATAN SEMULA INDUSTRI -INDUSTRI KE MALAYSIA AKAN LEBIH MENGUNTUNGGAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK KERANA MALAYSIA DAPAT MENGADAKAN TENAGA BURUH YANG AGAK MURAH DAN JUGA SUMBER-SUMBER ABLI YANG BANYAK.

PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA JEPUN MENGANGGAP MALAYSIA SAMA SEPERTI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN DAN TIDAK SEBAGAI BEBUAH NEGARA MAJU YANG BARU. -- BERSAMBUNG 1833/YF

B625

RAFIDAH-PIBG

KUALA LUMPUR, 19 JUN (BERNAMA)--MENTERI PERUSAHAAN AWAM DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ HARI INI MEMBIDAS SIKAP SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN PELAJAR YANG TIDAK PANDAI MENGHARGAI SUMBANGAN ORANG LAIN YANG TELAH MEMBOLEHKAN MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG DALAM BIDANG AKADEMIK.

BELIAU MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU (PIBG) SEKOLAH MENGAH PEREMPUAN BANDARAYA DI JALAN DAVIS DI SINI BELIAU MENYESALI SIKAP GOLONGAN TERSEBUT YANG MENDAKWA KONONNYA KEJAYAAN MEREKA ITU ADALAH HASIL TITIK PELUH MEREKA SEMATA-MATA.

"MEREKA SEBENARNYA LUPA BAHAWA TIADA SESIAPAPUN DAPAT MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG TANPA BANTUAN ORANG LAIN," TEGASNYA.

DATIN PADUKA RAFIDAH BERHARAP PARA PELAJAR TERSEBUT AKAN BERASA INSAF DAN BERTERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN PARA GURU DAN IBUBAPA YANG TELAH BERUSAHA MEWUJUDKAN SUASANA PEMBELAJARAN YANG BEGITU BAIK SEHINGGAKAN MEREKA DAPAT MERESAP ILMU KE DALAM DADA.

BELIAU MENGINGATKAN PARA PELAJAR BAHAWA MEREKA UMPAMA 'BATU PERMATA YANG HARUS DIGOBOK DAN DIPELIHARA, KALAU TIDAK HILANGLAH SINARNYA.' --BERSAMBUNG 1835/MD

B626

RAFIDAH-PIBG 2 KUALA LUMPUR

MENTERI ITU MENGINGATKAN BAHAWA SIKAP ANGKUH DAN MENGASINGKAN DIRI MERUGIKAN NEGARA KERANA 'SESEORANG YANG TIDAK PANDAI BERTERIMA KASIH TIDAK AKAN DAPAT MEMBERI SUMBANGAN TERHADAP BANGSA DAN NEGARA.'

BAGI MENGIKIS SIKAP TERSEBUT, BELIAU MENGGESA PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU MEWUJUDKAN KESEIMBANGAN ANTARA KECEMERLANGAN DI BIDANG AKADEMIK DENGAN KETINGGIAN BUDI. --BERNAMA 1838/MD